

*Kosmo 19/11/21 (Jumaat) m/s: 18*



**DR. MUHAMMAD MAHADI** (dua dari kiri) bersama Dr. Yuserrie (dua dari kanan) menunjukkan dokumen MoU antara IYRES dan UMP di Menara KBS, Putrajaya semalam.

# IYRES, UMP jalin kerjasama bangunkan model analitik

**PUTRAJAYA** – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi memanfaatkan pembangunan model analitik Indeks Belia Malaysia dan Indeks Budaya Sukan Malaysia.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, menerusi usahasama dalam bidang penyelidikan, IYRES iaitu agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan berkongsi data membabitkan pembangunan belia Malaysia, manakala UMP akan berkongsi kepakaran universiti khususnya berkaitan teknologi

data raya (big data).

“MoU ini merupakan satu bentuk kerjasama bersama untuk memenuhi tugas dan fungsi kedua-dua belah pihak dalam menjalankan inisiatif penyelidikan, analisis data, kepakaran, penerbitan serta dalam penganjuran bersama forum, siri diskusi, seminar dan latihan dalam Data Raya serta pembangunan belia.

“Usahasama antara UMP dan IYRES ini dapat dilihat begitu strategik dan bertepatan dengan trend semasa dalam mendepani era revolusi industri 4.0 (IR 4.0) memandangkan analitik data raya merupakan satu tonggak kemajuan teknologi masa depan,” katanya pada majlis menandatangani MoU di Menara KBS di sini

semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah IYRES, Dr. Muhammad Mahadi Mohamad dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, Dr. Vellapandian Ponnusamy.

Dr. Yuserrie berkata, majlis itu merupakan satu mercu tanda penting dalam pembangunan jaringan strategik UMP dengan industri dan organisasi yang berkredibiliti.

“Usaha ini selaras dengan semangat pelaksanaan objektif kedua Pelan Strategik UMP 2021-2025 iaitu Inovasi dengan kolaborasi dalam penghasilan inovasi dan penyelidikan,” katanya.